

Malaysia ceburi perladangan di Indonesia

Daripada
HANAFIAH MAN

JAKARTA 17 Sept. — Malaysia akan melibatkan diri secara aktif di sektor perladangan Indonesia memandangkan peluang yang ditawarkan oleh negara itu cukup besar.

Selain tanah yang luas, Indonesia juga mempunyai tenaga kerja yang mahir dalam sektor berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, hasrat Malaysia untuk memasuki sektor perladangan terutama kelapa sawit telah disampaikan dalam pertemuannya dengan Presiden Suharto di sini semalam.

"Buat masa ini kita mempunyai ramai tenaga kerja Indonesia di Malaysia yang cukup sesuai dengan sektor perladangan dan dengan itu kita berharap apabila mereka kita memasuki sektor tersebut di Indonesia nanti kita sudah mempunyai tenaga kerja yang terlatih," katanya.

kerjasama dengan syarikat Indonesia di Kalimantan Barat di sektor perladangan dengan melibatkan pelaburan sebesar AS\$750 juta bagi kawasan seluas 200,000 hektar.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia mendapati tenaga kerja Indonesia amat sesuai sekali untuk bekerja di sektor perladangan dan ini terbukti dengan kemajuan mereka bekerja di ladang-ladang di Malaysia.

Perbincangan

Mengenai perbincangannya dengan Suharto berhubung isu Pulau Sipadan dan Ligitan, Dr. Mahathir berkata, kedua-dua pihak bersetuju supaya perbincangan yang lebih lanjut diadakan.

"Walaupun saya dan Presiden Suharto tidak menyentuh secara langsung isu berkenaan tetapi kita setuju perbincangan diteruskan dan kita tidak menatapkan tempoh waktu untuk perbincangan tersebut," ujarnya.

Lawatan

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar di akhir lawatan dua harinya ke Indonesia dalam rangka kunjungan kerja bagi mengadakan pertemuan dengan Presiden Suharto di sini petang ini.

Dalam pertemuan yang berlangsung semalam, kedua-dua pemimpin lebih banyak menumpukan perbincangan berhubung dengan meningkatkan kerjasama di bidang ekonomi dan juga perdagangan antara kedua-dua negara.

Buat masa ini beberapa syarikat Malaysia telah pun memasuki sektor perladangan di Indonesia. Antaranya Kretam Holdings Berhad yang menjalankan usahasama dengan sebuah syarikat tempatan membuka ladang kelapa sawit seluas 40,000 hektar di Sumatera Utara dengan pelaburan sebesar AS\$150 juta.

Syarikat yang sama juga dijangka memulakan satu lagi projek

Bagaimanapun, katanya, Malaysia tidak mengetepikan cadangan untuk merujukkan perkara berkenaan kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

Ditanya mengenai persetujuan kedua-dua negara untuk memastikan media tidak memainkan isu sensitif, Dr. Mahathir berkata, adalah sukar untuk menjalankan perundingan sekiranya media terus memainkan isu-isu sensitif.

Rundingan

"Kita harap media-media tidak mengembar-emburkan isu yang boleh menyulitkan rundingan kedua-dua negara," jelasnya.

Dalam sidang akhbar itu juga, Dr. Mahathir semasa menjawab pertanyaan wartawan menegaskan semula pendirian Malaysia yang menolak sebarang usaha membentuk blok perdagangan termasuk dalam Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) sendiri.—
Utusan.